

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUTERA**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>		
<b>Gred JA29</b>	: RM1,417.59	-	RM 4,456.92
<b>Gred JA36</b>	: RM 3,089.07	-	RM 6,357.42
<b>Gred JA38</b>	: RM 3,482.16	-	RM 6,643.03

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau
  - (d) (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,826.02); dan
- lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN** 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 5. Penolong Jurutera yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** 6. Penolong Jurutera boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN** 7. Penolong Jurutera dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 8. Penolong Jurutera yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** 9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36** 10. Penolong Jurutera Gred JA29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA36 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA38** 11. Penolong Jurutera Gred JA36 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA38 yang kosong apabila telah :-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN KE  
PERKHIDMATAN  
JURUTERA** 12.

Penolong Jurutera yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.